

Headline	UMUM 15 AHLI KABINET		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	20 May 2018	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	1,2	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	940 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 36,888
Frequency	Daily	PR Value	RM 110,664



Dr Maszlee Malik
Menteri Pendidikan

 Azmin Ali **tak akan**
pegang dua jawatan

Senarai lengkap
Kabinet
> 2,4,6,7,8&9

NAJIB
DIPANGGIL
SPRM
SELASA INI



Headline	UMUM 15 AHLI KABINET		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	20 May 2018	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	1,2	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	940 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 36,888
Frequency	Daily	PR Value	RM 110,664



■ Dapat perkenan angkat sumpah di hadapan Yang di-Pertuan Agong Isnin ini

BERNAMA

Kuala Lumpur

Selepas 10 hari memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), Pakatan Harapan (PH) mengumumkan 15 anggota Kabinet parti itu yang mendapat perkenan mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad ke-V, di Istana Negara, pada Isnin ini.

Kabinet itu menyaksikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang sebelum ini mengumumkan memegang jawatan Menteri Pendidikan melepaskan jawatan itu selari manifesto PH yang tidak membenarkan Perdana Menteri memegang dua portfolio.

Pada masa sama, belum ada wakil daripada Sabah dan Sarawak walaupun Parti Warisan Sabah (WARISAN) diketuai Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal yang bekerjasama dengan PH pada PRU14 dilaporkan menghantar senarai nama Ahli Parlimen mereka untuk dipertimbangkan ke dalam Kabinet.

Kabinet yang diumumkan semalam, hanya membabitkan agihan portfolio di antara Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), PKR, DAP dan Parti Amanah Negara (AMANAH).

Selain Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen Langkawi daripada PPBM, tiga lagi wa-

kil daripada parti itu terdiri daripada Presidennya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ahli Parlimen Pagoh yang dilantik sebagai Menteri Dalam Negeri.

Bekas pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Dr Maszlee Malik yang juga Ahli Parlimen Simpang Renggam dilantik sebagai Menteri Pendidikan, manakala Ketua Srikandi PPBM, Rina Harun juga Ahli Parlimen Titiwangsa dilantik menjadi Menteri Pembangu-

Headline	UMUM 15 AHLI KABINET		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	20 May 2018	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	1,2	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	940 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 36,888
Frequency	Daily	PR Value	RM 110,664

nan Luar Bandar.

Rina mencatatkan kemenangan bergaya di Parlimen Titiwangsa apabila menumbangkan penyandang yang juga Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

PKR diketuai Presidennya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang diumumkan sebagai Timbalan Perdana Menteri, turut memegang portfolio Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang juga Timbalan Presiden PKR dan Ahli Parlimen Gombak dilantik sebagai Menteri Hal Ehwal Ekonomi, manakala Ketua Wanita PKR, Datuk Zuraida Kamaruddin, Ahli Parlimen Ampang dilantik sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

DAP diketuai Setiausaha Agungnya, Lim Guan Eng selaku Ahli Parlimen Bagan dilantik sebagai Menteri Kewangan, Ahli Parlimen Seremban, Anthony Loke Siew Fook (Menteri Pengangkutan), Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo (Menteri Komunikasi dan Multimedia), manakala M Kulasega-

ran yang juga Ahli Parlimen Ipoh Barat dilantik Menteri Tenaga Manusia.

Parti Amanah Negara (AMANAH) diketuai Presidennya, Mohamad Sabu, yang juga Ahli Parlimen Kota Raja, dilantik sebagai Menteri Pertahanan, Timbalan Presiden AMANAH yang juga Ahli Parlimen Pulau sebagai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, manakala Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad, sebagai Menteri Kesihatan.

Perdana Menteri dalam kenyataan medianya berkata, beliau menghadap Yang di-Pertuan Agong jam 5 petang semalam dan menyerahkan nama semua Ahli Parlimen berkenaan untuk dilantik sebagai Menteri Persekutuan yang baru.

“Pelantikan dibuat mengikut perenggan (b) Fasal (2) Perkara 43, Perlembagaan Persekutuan.

“Yang di-Pertuan Agong memberi perkenan kepada nama dicadangkan dan istiadat mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah rahsia sebagai Menteri Persekutuan diadakan jam 11.30 pagi Isnin ini di Istana Negara,” katanya.

PERDANA MENTERI
TUN DR MAHATHIR MOHAMAD
(Langkawi)
BERSATU

TIMBALAN PERDANA MENTERI & MENTERI WANITA DAN PEMBANGUNAN KELUARGA
DATUK SERI DR WAN AZIZIAH WAN ISMAIL
(Pandan)
PKR

KABINET MALAYSIA

BERSATU
MENTERI DALAM NEGERI
TAN SRI MUHYIDDIN MUHAMMAD YASSIN
(Pagoh)

BERSATU
MENTERI PENDIDIKAN
DR MASZLEE MALIK
(Simpang Renggam)

BERSATU
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
RINA HARUN
(Titiwangsa)

PKR
MENTERI HAL EHWAL EKONOMI
DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
(Gombak)

PKR
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
ZURAIDA KAMARUDDIN
(Ampang)

DAP
MENTERI KEWANGAN
LIM GUAN ENG
(Bagan)

DAP
MENTERI PENGANGKUTAN
ANTHONY LOKE SIEW FOOK
(Seremban)

DAP
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
GOBIND SINGH DEO
(Puchong)

DAP
MENTERI TENAGA MANUSIA
KULASEGARAN V MURUGESON
(Ipoh Barat)

AMANAH
MENTERI PERTAHANAN
MOHAMAD SABU
(Kota Raja)

AMANAH
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
SALAHUDDIN AYUB
(Pulau)

AMANAH
MENTERI KESIHATAN
DR HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
(Kuala Selangor)

GRUP HARIAN METRO